

Peranan Industri Desa dalam Pembangunan Industri

Chamhuri Siwar
Ahmad Md. Zin
Abdul Hamid Jaafar

PENGENALAN

Kertas ini cuba meninjau peranan industri desa dalam konteks negara menuju era perindustrian yang lebih pesat. Petunjuk-petunjuk ekonomi semakin menunjukkan sektor perindustrian sebagai "enjin" yang diperlukan untuk mengekalkan pertumbuhan yang berkekalan. Transformasi struktur yang berlaku semakin menunjukkan peningkatan sumbangan sektor industri daripada segi Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNG) (Jadual 1) mengatasi sumbangan sektor pertanian yang dahulunya menjadi tunggak ekonomi negara. Daripada segi pertumbuhan, sektor perindustrian yang mengalami pertumbuhan antara 10% - 15% dalam tahun 1987-89 merupakan sektor yang mengalami kadar pertumbuhan tahunan yang tertinggi. Daripada segi gunatenaga (Jadual 2) walaupun sektor pertanian masih mengekalkan bahagian yang terbesar, tetapi bahagiannya telah stabil dan kian menurun, manakala sumbangan sektor industri kian meningkat.

Dalam pada itu sektor desa terus dilanda masalah berkaitan dengan kadar kemiskinan yang tinggi serta ketaksetaraan bandar-desa. Pada tahun 1987, kadar kemiskinan desa ialah 22.4% berbanding dengan 8.1% di bandar. Terdapat kira-kira 403,200 isirumah miskin di desa, berbanding dengan 82,600 di bandar. Tambahan pula, terdapat kira-kira 215,000 isirumah yang tergolong ke dalam golongan termiskin yang sebahagian besarnya terdapat di kawasan-kawasan desa yang tersisih daripada arus pembangunan. Pendapatan purata bulanan sektor desa ialah \$853 berbanding dengan \$1467 di sektor bandar (Malaysia 1989). Walaupun ketaksetaraan pendapatan desa-bandar semakin kecil, pendapatan sektor desa pada tahun 1987 hanya merupakan 58.1% daripada pendapatan sektor bandar. Data-data juga menunjukkan bahawa

JADUAL 1. Malaysia: Bahagian KDNK mengikut industri asal
(1983 - 1989)

	1983	1984	1985	1986	1987	1988	1989
Pertanian	21.1 (-0.6)	20.1 (2.8)	20.8 (2.5)	21.4 (4.0)	21.9 (7.4)	21.1 (3.6)	20.7 (4.4)
Perlombongan dan kuari	10.1 (15.7)	10.5 (13.7)	10.5 (-1.4)	11.1 (7.5)	10.6 (0.1)	10.6 (7.8)	10.4 (4.6)
Pembuatan	19.5 (7.9)	20.3 (12.3)	19.7 (-3.8)	20.9 (7.5)	22.5 (12.8)	24.2 (15.5)	25.1 (10.5)
Pembinaan	5.4 (10.4)	5.2 (4.2)	4.8 (08.4)	4.1 (-14.0)	3.4 (-11.8)	3.2 (1.0)	3.1 (3.0)
Elektrik, gas dan air	1.5 (10.7)	1.5 (11.5)	1.6 (6.5)	1.8 (8.3)	1.8 (8.0)	1.8 (8.5)	1.9 (7.5)
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	5.8 (5.2)	6.0 (10.4)	6.4 (4.8)	6.6 (6.1)	6.7 (5.3)	6.6 (6.3)	6.5 (5.5)
Perniagaan borong dan runcit	12.3 (7.8)	12.3 (8.0)	12.1 (-2.8)	10.6 (-11.1)	10.6 (4.5)	10.6 (7.5)	10.7 (8.0)
Kewangan, insuran dan lain-lain	8.5 (8.0)	8.6 (7.0)	8.9 (4.1)	8.8 (-0.4)	8.8 (5.6)	8.7 (6.0)	8.8 (8.0)
Perkhidmatan kerajaan	11.8 (5.0)	11.8 (7.7)	12.2 (2.1)	12.5 (4.3)	12.4 (4.0)	12.0 (4.0)	11.7 (4.0)
Lain-lain perkhidmatan	2.2 (4.6)	2.1 (4.7)	2.3 (4.1)	2.3 (4.0)	2.3 (3.0)	2.2 (3.5)	2.1 (3.0)
Dikurang: Bayaran Khidmat Bank Terimpute	2.6	2.8	3.2	3.3	3.6	3.9	4.0
Campur: Duti Import	3.9	4.4	3.9	3.0	2.7	2.8	2.9
KDNK pada harga pasaran	100	100	100	100	100	100	100

Sumber: *Malaysia Economic Report 1988/89*, Ministry of Finance

Nota : Data bagi 1988 dan 1989 adalah anggaran. Angka dalam kurungan ialah kadar pertumbuhan tahunan.

JADUAL 2. Malaysia: Gunatenaga mengikut sektor
(1983 - 88) (%)

	1983	1984	1985	1986	1987	1988	1989
Pertanian	31.5	31.0	31.3	31.7	31.9	31.2	30.8
Perlombongan dan kuari	0.9	0.8	0.8	0.6	0.6	0.6	0.6
Pembuatan	15.5	158.8	15.2	15.1	15.7	16.4	17.0
Pembinaan	8.2	7.9	7.6	6.7	6.0	5.9	5.8
Kewangan, insuran dan lain-lain	3.4	3.5	3.5	3.6	3.5	3.5	3.4
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	4.3	4.4	4.3	4.4	4.3	4.3	4.3
Perkhidmatan kerajaan	14.8	14.6	14.6	14.5	14.2	13.9	13.6
Lain-lain perkhidmatan	21.4	22.0	22.6	23.5	23.8	24.2	24.5
Jumlah	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0

Sumber: *Malaysia Economic Report 1988/89*, Ministry of Finance.

pendapatan luar-tani semakin menjadi bahagian yang meningkat dan besar daripada pendapatan isirumah desa.

Daripada segi gunatenaga masalah gunatenaga tak penuh, dan pengangguran tak ketara pada umumnya adalah lebih serius di sektor desa. Kadar pengangguran desa adalah lebih tinggi berbanding dengan sektor bandar. Migrasi desa bandar yang merupakan salah satu pola migrasi yang utama merupakan tindakbalas penduduk desa untuk keluar daripada lingkaran kemiskinan dan gunatenaga tak penuh. Malahan tindakbalas ini dirangsang oleh dasar dan strategi kerajaan yang menggalak perpindahan ke pekerjaan dan sektor yang

mempunyai produktiviti serta menghasilkan pendapatan yang lebih tinggi.

Sektor desa pada umumnya dilanda masalah (1) kemiskinan dan pendapatan yang rendah, (2) gunatenaga tak penuh, kadar pengangguran yang tinggi dan produktiviti buruh yang rendah, (3) ketaksetaraan desa bandar. Dalam senario itu isu yang menghadapi kita ialah bagaimana untuk menggerakkan semula dan mengekalkan pertumbuhan sektor desa/pertanian yang kita menurun (Chamhuri 1988). Berbagai dasar dan strategi pembangunan desa dalam konteks membasmi kemiskinan mempunyai kesan "titisan ke bawah" yang terbatas, selain daripada kebocoran-kebocoran yang mengurangkan kesan usaha-usaha pembangunan desa (Chamhuri 1989). Dasar dan strategi berasaskan pemodenan dan pembangunan pertanian sahaja, kelihatan mempunyai kesan yang terbatas untuk mengatasi masalah-masalah sektor desa. Untuk mendapatkan hasil yang lebih berkesan strategi pembangunan desa perlu melewati batasan sektor pertanian. Ia perlu berbantuan multisektor, dengan menjalinkan rantaian yang erat antara sektor pertanian – industri dan bandar – desa.

Pada masa negara sedang menuju era perindustrian yang lebih pesat, kita tidak boleh mengabaikan sektor desa yang menampung lain-lain 70% daripada jumlah penduduk. Dalam konteks ini, industrialisasi desa penting sebagai strategi untuk:

1. menambah pendapatan dan mengurangkan kemiskinan desa
2. menambah peluang-peluang gunatenaga dan meningkatkan produktiviti buruh
3. mengurangkan ketaksetaraan desa bandar dan antara wilayah.

STRATEGI PEMBANGUNAN INDUSTRI: SATU PENILAIAN RENGKAS

Pembangunan industri di Malaysia dapat di kategorikan kepada 2 fasa penting. Fasa penggantian import 1957-68 yang bertujuan untuk memperluaskan asas industri, mempelbagaikan ekonomi, mengurangkan pergantungan kepada barangan import, memajukan industri berasaskan sumberasli tempatan dan mewujudkan gunatenaga. Melalui Akta Galakan Pelaburan 1968 berbagai galakan dan kemudahan diberikan seperti pengecualian cukai, perlindungan tarif, penyediaan kemudahan asas dan tapak industri untuk menarik pelaburan swasta tempatan dan luar negeri. Bagaimanapun, oleh kerana sebahagian industri penggantian

import bergantung kepada bahan mentah dan input pertengahan yang diimport, kesannya ialah nisbah nilai ditambah yang rendah dan kesan rantaian yang lemah dengan keseluruhan ekonomi. Selain daripada itu, galakan fiskal cenderung untuk memihak kepada industri besar yang bersifat intensif-modal yang menyebabkan berkurangnya penyerapan buruh, menyebabkan pertumbuhan gunatenaga terbelakang daripada pertumbuhan output. Strategi ini juga memberi perlindungan kepada industri-industri yang tidak efisien melalui perlindungan tarif yang tinggi. Selain daripada itu tujuan untuk mengurangkan pergantungan import tidak tercapai dengan semakin meningkatkannya import barang pelaburan dan barang pertengahan (Anuar 1988).

Fasa kedua memperlihatkan perindustrian berorientasikan eksport. Fasa ini yang bermula sejak awal 1970-an menekankan pentingnya pelaburan asing langsung dan syarikat multi-nasional untuk membekalkan modal, pengurusan teknologi dan juga akses kepada pasaran luar negeri. Pertumbuhan industri berorientasikan eksport terutamanya diisi oleh syarikat-syarikat multi-nasional yang cuba menempatkan semula industri mereka di kawasan-kawasan yang menawarkan galakan, kemudahan dan sumber-sumber yang murah. Pusingan kedua daripada fasa perindustrian berorientasikan eksport melibatkan peralihan daripada industri intensif buruh kepada yang lebih berintensifkan modal dan teknologi. Tren pada tahun 1990-an semakin mengarah kepada "industrial deepening" terutama dalam bidang industri berat dan asas-sumber dan tenaga yang memerlukan tingkat pelaburan dan teknologi (Anuar 1988).

Sektor perindustrian juga merupakan sektor strategik untuk memenuhi matlamat Dasar Ekonomi Baru (DEB) untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Sektor ini diperlukan untuk mengurangkan masalah pengangguran bandar, menyerap migran dari desa yang mencari pekerjaan di sektor yang mempunyai produktiviti yang lebih tinggi dan yang lebih penting sektor ini merupakan alat utama untuk penyusunan semula pekerjaan dan pemilikan aset di samping membasmi kemiskinan.

Pembangunan perindustrian dilaksanakan melalui strategi-strategi berikut:

1. promosi penggalakkan pelaburan termasuk pelaburan asing melalui berbagai galakan,
2. menggalakkan perindustrian berasaskan eksport dengan memberi penekanan kepada gunatenaga, barangan yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi, dan penjimatan tukaran asing,

3. memajukan industri asas sumber,
4. menyediakan kawalan perdagangan bebas dan estet industri,
5. menggalakkan industri kecil dan sederhana,
6. penyebaran industri ke kawasan-kawasan kurang maju,
7. menggalakkan penyertaan Bumiputera.

UNIDO (1985) mengenalpasti beberapa masalah dari pembangunan sektor perindustrian. Antara isu dan masalah yang timbul berkaitan dengan perbincangan kertas ini ialah:

1. Rantaian antara industri yang lemah, disebabkan oleh industri pembekalan input dan barang modal masih pada peringkat awal pembangunan. Juga terdapat bias yang sempit kepada beberapa industri intensif buruh dan asas sumber, serta bias kepada beberapa syarikat besar yang membangunkan industri berintensifkan modal.

2. Kadar penyerapan buruh yang rendah akibat intensiti model yang tinggi. Satu kajian terhadap industri asas-tani (Marison 1989) menyimpulkan bahawa kemungkinan penggantian buruh dan modal adalah terhad. Penemuan ini bermakna bahawa kemajuan teknologi mengurangkan intensiti buruh dan permintaan untuk buruh. Projek bagi meningkatkan gunatenaga dengan lebih berkesan dalam sektor industri adalah tidak begitu cerah.

3. Industri kecil dan sederhana kurang mendapat faedah daripada galakan taraf perintis.

4. Kepelbagaian matlamat pembangunan perindustrian, misalnya yang berkait dengan DEB, pembangunan wilayah, pertumbuhan ekonomi, gunatenaga dan sebagainya yang kadang-kadang mendatangkan konflik daripada segi perlaksanaan.

5. Penempatan industri yang masih terbatas kepada "serambi Barat". Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima (Malaysia 1989) melaporkan bahawa sepanjang 1986-1988 kira-kira 88.2% daripada pelaburan sektor pembuatan telah ditempatkan di sepanjang serambi utama, iaitu negeri-negeri Pantai Barat Semenanjung Malaysia. Negeri-negeri yang terus mempunyai daya tarikan yang tinggi ialah Selangor, Johor dan Pulau Pinang yang mengaut kira-kira 55.6% daripada jumlah modal pelaburan (Jadual 3).

Penempatan industri ke kawasan-kawasan yang kurang maju nampaknya kurang berjaya. Negeri-negeri maju di Pantai Barat terus menguasai sebahagian besar daripada nilai ditambah, gunatenaga dan modal pelaburan industri. Negeri-negeri yang kurang maju seperti Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu masing-masing menguasai 0.2%,

JADUAL 3. Malaysia: Kelulusan yang diberi untuk penubuhan projek-projek pembuatan mengikut lokasi, 1986 - 88

	Bilangan Diluluskan				Potensi Gunatenaga				Jumlah Modal Pelaburan Yang Dicadangkan (\$ Juta)			
	1986	1987	1988	1986-88	1986	1987	1988	1986-88	1986	1987	1988	1986-88
Perlis	2			3(0.2)	80			80(0.03)	3.6	4.4		8.0(0.04)
Kedah	12	10	45	67(4.4)	1,023	2,238	4,329	7,590(3.2)	32.8	90.1	269.5	392.4(2.2)
Pulau Pinang	53	59	74	185(12.2)	4,101	16,662	5,758	26,521(11.2)	175.8	635.7	729.6	1,541.1(8.5)
Perak	32	12	43	87(5.8)	3,635	1,424	2,099	7,158(3.0)	156.5	33.5	215.2	405.2(2.2)
Selangor	155	105	238	498(32.9)	11,813	2,880	10,126	24,819(10.5)	1,265.1	1,706.5	2,245.3	5,216.9(28.7)
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	15	15	26	56(3.7)	1,049	2,789	1,515	5,353(2.3)	43.9	269.5	65.8	379.2(2.1)
Negeri Sembilan	23	9	16	48(3.2)	1,605	721	735	3,061(1.3)	208.2	135.4	63.3	406.9(2.2)
Melaka	11	9	25	45(3.0)	894	3,300	673	4,867(2.1)	36.5	117.9	1,252.7	1,407.1(7.7)
Johor	80	82	183	345(22.8)	8,910	12,829	12,349	34,088(14.4)	439.9	703.0	1,829.5	2,972.4(16.3)
Pahang	10	7	21	38(2.5)	1,434	3,458	1,022	5,914(2.5)	110.3	6.2	158.9	215.3(1.2)
Terengganu	11	2	10	23(1.5)	853	124	1,826	2,803(1.2)	50.2	6.2	158.9	215.3(1.2)
Kelantan	6	3	7	16(1.1)	347	675	862	1,884(0.8)	10.4	2.8	44.0	57.2(0.3)
Sarawak	18	5	14	37(2.4)	1,786	904	3,800	6,490(2.7)	2,509.7	45.6	1,353.5	3,458.8(19.0)
Sabah	19	12	28	59(3.9)	2,700	1,395	1,568	5,663(2.4)	570.3	58.3	177.8	806.4(4.4)
Wilayah Persekutuan Labuan		3	2	5(0.3)	380			380(0.2)		12.3	12.1	24.4(0.1)
Jumlah	447	333	732	1,512(100)	40,230	59,779	136,647	236,656(100)	5,163.2	3,933.9	9,9093.9	18,191.07(100)

Sumber: MIDA dalam KSPRML (1989).

Nota : Angka-angka dalam kurungan ialah peratus daripada jumlah.

4.4%, 1.1% dan 1.5% daripada bilangan industri pembuatan yang diluluskan pada 1986-1988. Daripada segi gunatenaga negeri-negeri ini masing-masing menguasai 0.03%, 3.2%, 0.8% dan 1.2%. Peratus penguasaan modal keempat-empat negeri yang kurang maju ini tidak melebihi 3.74% daripada keseluruhan modal sebanyak \$18,191 juta yang dilaburkan dalam jangkamasa 1986-88.

Apakah implikasi tren dan pembangunan perindustrian ke atas industrialisasi desa? Beberapa implikasi dapat difikirkan di sini. Semakin kurang maju (semakin besar sektor desa sesuatu negeri) semakin rendah paras pembangunan industri. Masalah ini akan berpanjangan terutama dengan penyesuaian semula strategi penempatan industri seperti yang dicadangkan oleh Pelan Induk Perindustrian (PIP).

Penyesuaian semula ini menekankan kepada,

Sistem galakan dijangka akan disesuaikan semula untuk memupuk kecekapan dan daya bersaing yang lebih tinggi supaya sumber-sumber dapat diagihkan secara optimum untuk meningkatkan pertumbuhan sektor ini ke tahap maksimum (Malaysia 1986: 400).

Berhubung dengan penyebaran industri PIP menyarankan supaya industri-industri ditempatkan di;

Pusat-pusat pertumbuhan yang sedia ada yang menikmati faedah daripada pemusatan kegiatan ekonomi supaya infrastruktur, sistem perhubungan, perkhidmatan sokongan dan tenaga buruh mahir yang sedia ada dapat digunakan dengan sepenuhnya (Malaysia 1986: 403).

Penempatan industri . . . akan ditentukan oleh kehendak pasaran syarikat-syarikat pembuatan. Industri berasaskan eksport akan digalakkan untuk ditempatkan dalam kawasan yang menikmati faedah daripada kegiatan-kegiatan ekonomi manakala industri yang senang bertukar tempat dan yang mengeluarkan barang untuk pasaran tempatan akan digalakkan untuk ditempatkan di bandar-bandar kecil (Malaysia 1986: 403).

Penyesuaian semula ini bermakna bahawa pembangunan industri akan terus berkembang disepanjang serambi utama. Negeri-negeri yang mundur yang mempunyai sektor desa yang besar akan tertinggal daripada segi pembangunan industri. Dengan penyesuaian semula ini, industri-industri asas sumber pun tidak semestinya didirikan berhampiran dengan sumber ianya terdapat. Industrialisasi desa akan hanya terbatas kepada pembangunan industri kampung dan industri-industri pemprosesan yang kecil untuk memenuhi pasaran tempatan.

Dalam keadaan ini, bagaimanakah industri desa dapat dibangunkan

dan dipertingkatkan lagi. Ini penting untuk mendapatkan pertumbuhan seimbang antara sektor bandar – desa dan juga antara wilayah. Kalau tidak pembangunan perindustrian akan mewujudkan pertumbuhan yang tidak seimbang dengan sektor desa terus ketinggalan dan mendapat faedah sampingan sahaja daripada era perindustrian.

KEDUDUKAN INDUSTRI DESA

Peranan industri desa dalam konteks pembangunan perindustrian negara adalah agak kabur. PIP tiada menggariskan satu dasar dan strategi yang khusus mengenai industrialisasi desa. Visi perindustrian bagi Malaysia seperti yang digariskan oleh PIP ialah *industrialisasi berorientasi keluar* yang berasaskan pembangunan secara intensif industri asas – sumber untuk eksport, mempelbagaikan dan meningkatkan industri bukan asas sumber untuk eksport dan juga pembangunan beberapa industri berat terpilih untuk menyokong industri eksport. “Rural industries and rural industrialization tend to exite little attention” (Zainal Aznan 1989).

Terdapat kecenderungan untuk menyamakan industri desa dengan industri kecil. Persamaan ini betul bagi industri kecil yang bertempat di desa, tetapi tren menunjukkan bahawa sebahagian besar industri kecil bertempat di bandar atau pinggir-pinggir bandar. Hal ini berlaku disebabkan oleh penguasaan etnik Cina yang ramai berpusat di bandar dan pinggir-pinggir bandar. Terdapat juga kecenderungan untuk menyamakan industri desa dengan industri asas – sumber. Persamaan ini juga tidak tepat kerana penempatan industri menunjukkan bahawa industri-industri asas – sumber juga sebahagian besarnya bertumpu di serambi Barat dan bukan di kawasan di mana sumber itu berasal. Rancangan-rancangan Pembangunan Lima Tahun sering menyamakan industri desa dengan industri kampung yang tradisional sifatnya.

KEKABURAN DAN KONSEP

Istilah industri desa sering dicampuradukkan dengan industri kecil dan industri asas – sumber. Industri kecil sering dimengertikan sebagai industri desa, manakala industri asas sumber yang sebahagian besarnya terdiri daripada sumber-sumber pertanian juga disamaertikan dengan industri desa oleh kerana kecenderungan untuk menyamakan sektor pertanian dengan sektor desa. Pada hakikatnya ketiga-tiga istilah tersebut berbeza, walaupun persamaan boleh berlaku bagi kes-kes di mana

industri kecil dan industri asas sumber yang bertempat di desa.

Industri kecil ditakrifkan sebagai industri yang menggunakan modal kurang dari \$250,000 atau menggunakan pekerja kurang dari 50 orang. Industri ini boleh bertempat di bandar atau di desa.

Industri kecil yang bertempat di desa bolehlah disamakan dengan industri desa, terutama bagi industri kecil yang berasaskan bahan-bahan semula jadi tempatan. Dalam pada itu terdapat industri kecil yang bertempat di bandar yang berorientasikan perusahaan pembuatan, perkilangan, besi keluli pembaikan motor dan sebagainya. Pecahan kecil dari industri kecil ialah "industri terlalu kecil" (*tiny scale industries*) yang mempunyai pekerja 4 orang atau kurang, yang lazimnya terdiri daripada anggota keluarga.

Industri desa dapat ditakrifkan sebagai perusahaan-perusahaan yang bertempat di desa, diusahakan oleh masyarakat desa bagi menghasilkan barang-barang tradisional atau moden yang mudah. Industri ini mungkin diusahakan secara individu, berkumpulan melalui koperasi atau syarikat perkilangan (KPNLB 1986). Lazimnya ia berskala kecil, menggunakan bahan-bahan semulajadi tempatan, paras teknologi dan kemahiran yang tradisional serta memerlukan pelaburan yang rendah tetapi menghasilkan pulangan yang cepat. Industri-industri ini seperti kraftangan, anyaman, ukiran, sulaman, perusahaan memproses atau membuat makanan berskala kecil seperti membuat keropok, kicap dan sebagainya. Dalam hal ini industri desa adalah sama dengan industri kecil. Tetapi industri desa boleh juga berskala besar dari segi modal dan tenaga kerja dan dengan itu terkeluar dari takrifan industri kecil.

Industri asas sumber merupakan industri-industri yang berasaskan sumber-sumber seperti getah, kelapa sawit, kayu, bahan galian dan sebagainya. Lazimnya industri-industri ini berskala besar, menggunakan teknologi tinggi. Seringkali penempatannya bukan di desa dan dengan itu terkeluar daripada takrif industri desa. Terdapat juga industri-industri asas sumber yang berskala kecil, dan dengan itu tergolong ke dalam industri kecil.

STRATEGI INDUSTRI DESA

Strategi industrialisasi desa telah lama diperkenalkan sebagai satu strategi dalam pendekatan pembangunan desa yang dipersatukan. Secara umum strategi ini bertujuan untuk:

1. Mengubah masyarakat desa daripada masyarakat tani kepada masyarakat perindustrian.

2. Mewujudkan alternatif bagi sumber pendapatan dan gunatenaga, terutama dalam keadaan sektor desa mengalami keadaan pengangguran tak ketara serta mengalami daya pengeluaran yang rendah.
3. Untuk meningkatkan pendapatan dan membantu mengurangkan kadar kemiskinan desa.
4. Dalam konteks yang lebih luas, industrialisasi desa bertujuan untuk membawa industri-industri kecil dan besar ke desa, terutama yang berpotensi untuk menggunakan sumber-sumber tempatan serta berintensif buruh untuk mewujudkan peluang-peluang pekerjaan kepada penduduk desa.
5. Dalam konteks DEB, industri desa bertujuan untuk meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam perindustrian dan perdagangan.

Kegiatan industri desa telah lama bertapak secara kecil-kecilan di desa dalam bentuk perusahaan kraftangan, logam, tembikar, anyaman dan sebagainya. Percubaan untuk memajukan industri desa secara tersusun bermula dalam tahun 1950-an dengan tertubuhnya Lembaga Kemajuan Perusahaan Luar Bandar (RIDA) pada tahun 1951 yang berfungsi untuk memajukan kedudukan sosioekonomi masyarakat desa yang di antara kegiatannya memajukan industri kecil yang berasaskan bahan-bahan tempatan. Walaupun dalam skop yang kecil, RIDA berperanan untuk memajukan industri desa melalui penerangan dan pembesaran program industri desa, memberi galakan dan usahasama menerusi perkhidmatan nasihat, pemasaran dan kredit.

Pembangunan industri desa oleh RIDA menjadi asas kepada penyertaan Bumiputera dalam bidang perniagaan dan perumahan. Skop RIDA yang terhad telah diperluas dengan penubuhan MARA pada tahun 1966, yang selain daripada meneruskan program pembangunan industri desa jua menekankan program-program latihan dan pengusahawanan bagi menyediakan penyertaan Bumiputera dalam bidang perdagangan dan perindustrian. Peranan ini diperluas terutama dalam rangka DEB untuk menyusun semula masyarakat untuk meningkatkan penyertaan Bumiputera daripada segi gunatenaga dan penguasaan sektor industri, pambandaran dan perdagangan.

Selain daripada Maljjs Amanah Rakyat (MARA) terdapat beberapa agensi lain yang turut membangunkan industri desa. Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (PKKM) ditubuhkan untuk memajukan pusat-pusat kemajuan perusahaan kraftangan, misalnya melalui program latihan pengeluaran dan pemasaran. Pinjaman kewangan selain daripada diperolehi dari MARA juga disediakan oleh Bank Pembangunan

Malaysia. KEMAS juga terlibat dalam usaha memajukan industri desa terutama dalam pengeluaran kraftangan dan perusahaan kecil. Agensi-agensi atau syarikat seperti Batik Malaysia, Syarikat Pembangunan dan Pemasaran Industri Kampung, Syarikat Pemasaran Karyaneka dan PKKM sendiri bergiat dalam usaha-usaha memasarkan hasil-hasil industri desa.

Sejak 1982 Bahagian Industri Kampung (BIK) ditubuhkan di Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (KPNLB) sebagai usaha yang lebih serius untuk mempergiatkan dan memperkemaskan program-program industri kecil di kawasan desa. Dalam konteks yang lebih luas program industri desa terangkum ke dalam pendekatan "pembandaran luar bandar" yang bertujuan untuk mempercepat pembangunan desa antaranya dengan menggalakkan industri kecil yang berasaskan kepada bahan-bahan mentah dan keluaran tempatan yang sedia ada.

Secara amnya, program industri desa seperti yang majukan oleh beberapa agensi bertujuan untuk:

1. Meningkatkan pendapatan dan taraf hidup dan seterusnya membasmi kemiskinan di kalangan penduduk desa.
2. Meningkatkan produktiviti dari hasil kerja tangan yang boleh mendapat pasaran, memaju dan mengekalkan minat penduduk desa di dalam aktiviti berdikari dengan mengembeling tenaga serta menggunakan sumber-sumber yang sedia ada secara maksimum.
3. Mewujudkan pengusaha-pengusaha di desa dalam aktiviti ekonomi dan perusahaan yang berpotensi.
4. Menggalakkan penduduk desa menggunakan masa untuk menjalankan usaha-usaha yang menguntungkan untuk menambah pendapatan.
5. Untuk membekalkan barang-barang yang bermutu dengan harga yang berpatutan kepada pengguna, pelancung dan sebagainya.

Secara khusus, penubuhan industri kampung di bawah KPNLB (1986) ialah untuk:

1. Meningkatkan pendapatan masyarakat kampung melalui penggunaan masa lapang untuk kerja-kerja yang produktif.
2. Meningkatkan kefahaman masyarakat kampung mengenai perniagaan dan mambantu mereka mengambil peluang-peluang yang timbul daripada aktiviti-aktiviti perniagaan.

3. Meningkatkan lagi kesedaran masyarakat kampung terhadap peranan dan nilai wang.
4. Mengurangkan penghijrahan ke bandar yang menyebabkan kekurangan tenaga kerja di sawah-ladang.
5. Membuka dan mewujudkan peluang pekerjaan di kampung-kampung.
6. Meningkatkan daya pengeluaran dan kemahiran, dan
7. Mengekal dan meningkatkan warisan Seri Budaya.

Strategi dan program industri desa perlu mengambilkira sumber dan bahan-bahan yang sedia ada, kemahiran yang sedia ada, kemahiran dan penglibatan penduduk desa, pelaburan yang sederhana dan jangka masa *gestation* yang pendek dan pengeluaran yang mempunyai peluang pasaran. Program pembangunan industri desa termasuk projek perintis industri kampung, projek perintis industri tunjang, projek bantuan, galakkan pemasaran, dan latihan kemahiran.

Satu bancian industri desa oleh PKK M pada tahun 1984 mendapati terdapat 4300 orang pengusaha industri desa berdaftar yang sebahagian besarnya mengusahakan anyaman pandan atau mengkuang dan perusahaan dari buluh. Yang lain-lain menjalankan perusahaan kayu

JADUAL 4. Malaysia: Jenis-jenis perusahaan dan bilangan pengusaha industri kampung, 1984

Jenis Perusahaan	Bilangan
Anyaman Pandan/Mengkuang	1,793
Buluh	1,038
Kayu Kraf	374
Tembikar	255
Tenunan	138
Wau	101
Rotan	147
Perak	40
Batik	55
Tembaga	41
Tanduk	26
Tukang Keris	38
Kulit Siput	18
Membuat Baku	44

Sumber: PKK M, Kuala Lumpur.

kraf, tembikar, tenunan keris, kulit siput dan membuat bakul (Jadual 4). Ini tidak termasuk bilangan pengusaha dan perusahaan yang tidak didaftarkan secara formal.

Penempatan jenis-jenis industri desa banyak dipengaruhi oleh ciri-ciri budaya masyarakat setempat, bahan-bahan mentah tempatan serta kemahiran tradisional yang sedia ada. Perbezaan-perbezaan ini menentukan jenis industri desa yang diusahakan di kawasan atau negeri tertentu. Berdasarkan perbezaan-perbezaan ini wujud misalnya pemusatan perusahaan batik dan perak di Kota Bharu, anyaman, batik, tembaga dan tenunan di Kuala Terengganu, kayu kraf di Temerloh, buluh dan rotan di Kuala Pilah, tembikar di Kuala Kangsar dan tanduk di Alor Setar. Namun demikian terdapat juga perusahaan-perusahaan anyaman, batik, perak, tembikar dan tembaga di kawasan-kawasan lain terutama di Kelantan, Terengganu, Perak, Pahang, Kedah, Selangor, Johor, Negeri Sembilan dan Melaka.

Untuk mendapatkan impak yang lebih daripada projek-projek pembangunan desa pada tahun 1984 diperkenalkan "Halacara Baru" pembangunan desa yang menekankan strategi *pembandaran desa* untuk mempertingkatkan kedudukan infrastruktur sosioekonomi bertujuan untuk meningkatkan produktiviti dan pendapatan petani-petani dan buruh desa. Pendekatan ini yang berasaskan penyusunan semula kampung-kampung tradisi juga bertujuan untuk mewujudkan suasana bandar dan keperluan industri. Pendekatan ini menekankan:

1. Pembangunan industri desa, pemiagaan-pemiagaan kecil dan kegiatan-kegiatan ekonomi bukan pertanian.
2. Pembangunan sektor pertanian yang lebih komersial dengan menyatukan bidang-bidang tanah yang kecil, khususnya melalui ladang kelompok.
3. Penyusunan semula kampung-kampung tradisi untuk mewujudkan pusat-pusat pertumbuhan baru (Malaysia 1984).

Pendekatan ini dilaksanakan di beberapa tempat. Tetapi pengalaman beberapa percubaan ini tidak begitu menunjukkan kejayaan. Sektor desa pada sebahagian besarnya masih tidak berubah.

Ternyata, untuk membangunkan sektor desa perlu pendekatan multi-sektor, terutamanya sektor pertanian dan industri di samping meningkatkan kualiti dan kuantiti kemudahan asas dan infrastruktur. Visi bagi strategi pembangunan desa sehingga tahun 2000 seperti yang digambarkan oleh KPNLB (Shamsuddin 1989) menekankan pem-

bangunan desa yang seiring dengan pembangunan industri. Sektor desa digambarkan terdiri daripada sektor pertanian yang terdiri daripada estet-estet berkelompok dan juga kebun-kebun kecil secara individu dan sub-sektor industri yang terdiri daripada industri pemprosesan hasil pertanian, di antara tiga industri ringan dan industri kampung berhampiran dengan satu kawasan petempatan.

Pendekatan ini menekankan:

1. Pembangunan infrastruktur meliputi jalan raya, perhubungan, bekalan air dan letrik yang mencukupi yang berupaya untuk menerima industri-industri dan juga menarik industri-industri ke desa yang gagal ditarik oleh galakan-galakan penyebaran industri. Untuk ini jalinan jalan raya, dan pengangkutan serta bekalan tenaga perlu ditingkatkan.
2. Pembangunan industri asas-sumber tani dan pemprosesan bahan mentah berhampiran dengan tempat asal sumber, iaitu di desa. Industri-industri seperti pengilangan beras, kelapa sawit, pemprosesan getah dan juga pemprosesan bahan petroleum dan aktiviti-aktiviti hiliran dan pemprosesan bahan buangan dapat ditempatkan di desa.
3. Pembangunan bengkel-bengkel desa bagi membekalkan perkhidmatan kepada industri-industri bukan asas sumber. Kampung-kampung berhampiran dengan industri-industri tersebut boleh memberikan perkhidmatan tersebut dengan kos yang lebih rendah.

Strategi ini memerlukan beberapa pra-syarat. Pertama, pembangunan sumber tenaga manusia melibatkan perbaikan kualiti hidup, pendidikan, latihan, kemahiran dan perubahan sikap penduduk desa untuk dapat bertindakbalas dan mengambil peluang terhadap pilihan baru yang diwujudkan. Perubahan positif kepada nilai-nilai komersial dan keusahawanan adalah ciri penting dalam pembangunan sumber manusia ini. Kedua, pembangunan fizikal termasuk perancangan pembangunan desa jangka panjang yang tersusun, meningkatkan kemudahan infrastruktur, permodenan pertanian dan industrialisasi desa.

Industrialisasi desa perlu menjadi komponen penting strategi pembangunan desa akan datang. Komponen strategi ini meliputi industri pemprosesan pertanian dan industri-industri hiliran di pusat-pusat desa. Industri-industri pemprosesan pertanian terdiri daripada industri-industri kecil dan sederhana yang mengkhusus dalam pemprosesan keluaran

pertanian dan desa. Industri-industri perkhidmatan untuk desa boleh dikembangkan pada fasa berikutnya.

Agensi-agensi pembangunan desa seperti Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) dan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) diharapkan dapat meneraju proses industrialisasi desa ini, sebagai lanjutan daripada proses pemodenan pertanian. Pekebun-pekebun kecil yang berdaya maju dan inovatif perlu mendapat galakan dan insentif sewajarnya. Kesediaan modal adalah kritikal pada peningkatan awal.

Fasa kedua melibatkan industri hiliran dan perkhidmatan desa melibatkan subkontrak, pusat-pusat pemungutan, pemasaran dan pengagihan bagi keluaran industri desa, termasuk juga perkhidmatan pelancongan ke kawasan-kawasan desa tertentu yang mempunyai daya tarik pelancongan. Kerja-kerja subkontrak boleh dijalankan di desa bagi industri-industri kraf, jahitan, kerjatangan dan sebagainya. Fasa berikutnya melibatkan pemandaran penempatan-penempatan desa melibatkan meningkatkan perkhidmatan, kemudahan dan infrastruktur. asas bertujuan untuk meningkatkan kualiti hidup desa.

KAJIAN KES INDUSTRI DESA

Untuk mengkaji secara lebih terperinci lagi tentang pembangunan dan masalah yang dihadapi oleh industri desa, maka satu kaji kes telah dijalankan. Kajian ini meliputi 472 orang pengusaha yang tertumpu di pusat kegiatan industri desa di Semenanjung Malaysia. Industri desa yang dikaji termasuk perusahaan makanan (160), kayu (99), kraftangan (86), tekstil (43), anyaman (42), batu (15), logam (15) dan kulit (12).

KAEDAH PERSAMPELAN

Di peringkat awal pemilihan responden dilakukan berdasarkan kepada senarai nama-nama pengusaha yang dikeluarkan oleh BIK. Oleh kerana tidak semua pengusaha mendaftarkan perusahaan mereka dengan BIK, maka jumlah sebenar industri desa tidak diketahui dengan tepat. Berasaskan kepada senarai nama dari BIK dan kedudukan industri desa yang berselerak, persampesalan adalah berasaskan penumpuan kepada kawasan yang menjadi pusat industri desa seperti berikut.

1. Kelantan – di jajahan Kota Bahru, Pasir Mas, Tumpat, Bachok dan Pasir Putih.
2. Terengganu – di kawasan Jerteh, Kuala Besut dan Kuala Terengganu.
3. Perlis – Kaki Bukit, Jalan Sultan, dan Kuala Kangsar.
4. Kedah – Pulau Langkawi, Sanglang, Anak Bukit, dan Alor Star.
5. Pulau Pinang – Kampung Pertama, Kebun Sireh dan Kepala Batas.
6. Perak – Lenggong, Kuala Kangsar, Sayong dan Kaki Bukit.
7. Pahang – di daerah pesisiran pantai.
8. Negeri Sembilan – Jelebu dan Kuala Pilah.
9. Selangor – daerah Hulu Langat, Kuala Langat dan Kelang
10. Johor – daerah Batu Pahat dan Muar.
11. Melaka – daerah kota Melaka, Batu Berendam, Jasin dan Alor Gajah.

TUJUAN KAJIAN

Di antara tujuan kajian yang utama ialah untuk melihat sumbangan industri desa kearah mencapai matlamat perindustrian negara. Untuk itu, di antara aspek-aspek penting yang dikaji termasuklah:

1. mengkaji latarbelakang pengusaha yang terlibat dalam perusahaan ini,
2. melihat sumbangan industri desa ke atas keluaran, pendapatan dan gunatenaga, dan
3. mengkaji hubungan yang wujud di dalam memajukan industri desa secara keseluruhan.

BIODATA PENGUSAHA

Daripada 472 responden, 324 atau 68.6% terdiri daripada pengusaha lelaki dan 31.4% terdiri daripada pengusaha wanita. Mengikut umur, 252 responden atau 53.4% adalah terdiri daripada mereka yang berumur kurang dari 40 tahun dan selebihnya berumur 40 tahun dan ke atas (Jadual 5). Dari segi tingkat pendidikan, didapati 57.2% atau 270 daripada jumlah responden tidak pernah mencapai pendidikan sekolah menengah sementara hanya 1.3% daripada jumlah responden menerima pendidikan maktab dan universiti (Jadual 6).

Sebelum menceburi bidang industri desa, lebih setengah daripada

JADUAL 5. Umur pengusaha

Umur (tahun)	Bilangan	%
Kurang dari 21	4	0.85
21 - 30	104	22.03
31 - 40	144	30.51
41 - 50	110	23.31
50 - 55	27	5.72
55 ke atas	83	17.58
Jumlah	472	100.00

JADUAL 6. Tingkat pendidikan pengusaha

Taraf Pendidikan	Bilangan	%
Tidak pernah sekolah	56	11.86
Tamat sekolah rendah	200	42.37
Tamat sekolah agama	14	2.97
Sekolah menengah rendah	66	13.98
Sekolah menengah	115	24.36
Maktab	1	0.21
Universiti	5	1.06
Lain-lain	15	3.18
Jumlah	472	100.00

JADUAL 7. Pekerjaan pengusaha dan pendapatan purata sebelum menceburi bidang industri desa

Jenis Pekerjaan	Bil	%	Pendapatan Purata (\$)
Kakitangan Kerajaan	50	20.08	526
Pekerja Swasta	54	21.69	448
Nelayan	9	3.61	129
Petani	50	20.08	209
Peniaga	25	10.04	274
Lain-lain	61	24.50	252
Jumlah	249	100.00	338.66

JADUAL 8. Alasan menceburi bidang industri desa

Faktor	Bil	%
Perniagaan yang diwariskan	104	22.0
Galakan dari bantuan kerajaan	161	34.1
Pendapatan yang lumayan	135	28.6
Mempunyai kemahiran	431	91.3
Memerlukan modal yang sedikit	217	46.0
Potensi pasaran	326	69.1
Dorongan dari keluarga/rakan-rakan	261	55.3
Lain-lain	107	22.7

jumlah responden, iaitu 249 atau 52.8%, telah pernah bekerja dengan pendapatan purata sebanyak \$338.66 sebulan (Jadual 7). Daripada jumlah ini, 26.7% masih meneruskan pekerjaan lama. Dari segi kombinasi faktor-faktor yang menjadi pendorong kepada pengusaha untuk menceburi kegiatan industri desa, pemilikan kemahiran merupakan faktor yang paling utama (91.3%). Selain itu, potensi pasaran (69.1%) dan galakan daripada keluarga dan rakan-rakan (55.3%) juga merupakan antara faktor-faktor yang mendorong pengusaha menceburi bidang ini. Hanya 34.1% daripada jumlah responden menyenaraikan galakan kerajaan sebagai salah satu daripada faktor yang mendorong pengusaha untuk menceburi diri dalam kegiatan industri desa (Jadual 8).

Dalam pengalaman menjalankan kegiatan industri desa, 55.7% daripada jumlah responden telah bergiat kurang dari 6 tahun, 19.5% telah bergiat antara 6 hingga 10 tahun dan 15.7% daripada jumlah responden mempunyai pengalaman menjalankan kegiatan industri desa lebih dari 15 tahun (Jadual 9).

Dari segi latihan didapati 40.3% daripada jumlah responden telah menerima latihan secara formal. Daripada jumlah ini 117 responden atau 24.8% pernah menerima latihan teknikal, 14 atau 3.0% menerima latihan perdagangan dan 57 atau 12.1% lagi pernah menerima kedua-dua latihan teknikal dan perdagangan. Sebanyak 59.7% responden tidak pernah menerima latihan formal (Jadual 10). Sementara itu 286 atau 60.6% daripada jumlah responden (Jadual 11) telah pernah menerima latihan tidak formal. Sebanyak 28.0% daripada 286 responden menerima latihan dari ibu bapa, 11.9% menerima latihan daripada rakan-rakan dan 0.7% menerima latihan tak formal daripada lain-lain punca. Daripada jumlah ini juga, hampir 60% memperolehi kemahiran melalui pengalaman sendiri.

Berdasarkan kepada analisis di atas, beberapa kesimpulan telah dapat dibuat. Antaranya ialah:

1. Peratusan pengusaha yang berumur 40 tahun dan ke atas yang tinggi menunjukkan bahawa industri desa masih tidak dapat menerima minat belia-belia terutamanya mereka yang berpendidikan tinggi, walaupun tahap pengangguran adalah tinggi di kalangan golongan ini. Keadaan ini mungkin dapat dikaitkan dengan sistem pendidikan masa kini yang masih menekankan pencapaian akademik berbanding dengan kemahiran hidup.
2. Peratusan yang tinggi, iaitu 57.2%, daripada jumlah responden yang hanya memiliki pelajaran sekolah rendah akan

JADUAL 9. Jangkamasa perusahaan telah dijalankan

Sela jangkamasa (Tahun)	Bilangan	%
Kurang dari 6	263	55.7
6 - 10	92	19.5
11 - 15	43	9.1
Lebih dari 15	74	15.7
Jumlah	472	100.0

JADUAL 10. Latihan formal yang diterima oleh pengusaha

Jenis latihan	Bilangan	%
Teknikal	117	24.8
Perdagangan	14	3.0
Kedua-dua di atas	57	12.1
Lain-lain	2	0.4
Tiada latihan	282	59.7
Jumlah	472	100.0

JADUAL 11. Kemahiran pengusaha

Punca/cara kemahiran diperoleh	Bilangan	%
Punca dari ibubapa	80	28.0
Latihan dari rakan-rakan	34	11.9
Pengalaman sendiri	170	59.4
Lain-lain	2	0.7
Jumlah	286	100.0

menyukarkan perubahan dilakukan terhadap industri ini, terutamanya daripada segi teknik pengeluaran, pengurusan kewangan, pemasaran dan lain-lain lagi.

3. Sebelum mencebur diri dalam bidang perusahaan ini, pemilikan satu-satu kemahiran pada tahap tertentu amat penting. Peranan institusi latihan tidak formal merupakan institusi yang penting selain daripada institusi latihan yang formal. Malahan, pengalaman yang diperoleh daripada institusi latihan tidak formal merupakan faktor yang penting dalam mendorong pengusaha mencebur diri dalam bidang ini.
4. Lebih setengah daripada responden bergiat di lapangan ini kurang dari 6 tahun. Dengan pengalaman yang kurang berhubung dengan teknik pengeluaran, pengurusan kewangan dan pemasaran, masalah-masalah akan timbul dalam memajukan industri berkenaan.
5. Industri desa berpotensi untuk dijadikan sebagai salah satu pekerjaan sampingan kerana daripada kajian didapati hampir 1/3 daripada pengusaha mempunyai pekerjaan utama yang lain.

LATAR BELAKANG PERUSAHAAN

Latar belakang perusahaan yang dikaji termasuk pemilihan lokasi, tumpuan masa bekerja dan pengambilan gunatenaga, modal dan kredit, input, teknik pengeluaran, pemasaran serta margin keuntungan dan pendapatan kasar.

PEMILIHAN LOKASI

Pemilihan lokasi bagi menempatkan sesuatu perusahaan boleh dipengaruhi oleh beberapa kombinasi faktor-faktor seperti peluang

JADUAL 12. Faktor-faktor pemilihan lokasi oleh pengusaha

Faktor-faktor	Bilangan	%
Peluang pasaran	250	53.1
Tempat sendiri	404	85.6
Kemudahan infrastruktur	281	59.5
Kemudahan bahan mentah	312	21.2
Nasihat dari pemberi bantuan	107	22.7
Lain-lain	32	6.8

pasaran, jarak dengan tempat tinggal, kemudahan infrastruktur, bahan mentah dan nasihat daripada pemberi bantuan. Daripada kajian kes ini (Jadual 12), salah satu faktor utama yang mempengaruhi pemilihan lokasi oleh pengusaha ialah pemilikan tempat sendiri, iaitu sebanyak 85.6%. Ini diikuti oleh kemudahan untuk mendapatkan bahan mentah (66.1%) dan kemudahan infrastruktur sebanyak 59.5%. Manakala peluang pasaran menduduki tempat keempat, iaitu sebanyak 53.0%.

TUMPUAN MASA BEKERJA DAN PENGAMBILAN GUNATENAGA

Daripada segi peruntukan masa bekerja (Jadual 13), didapati 71.0% daripada jumlah responden bekerja sekurang-kurangnya 6 jam atau lebih dalam sehari, sementara selebihnya bekerja kurang dari 6 jam sehari. Dalam aspek pengambilan gunatenaga tetap (Jadual 14), didapati 57.8% daripada jumlah responden tidak mempunyai pekerja tetap, 32.2% responden mempunyai pekerja tetap antara 1 hingga 4 orang dan 10.0% atau 47 pengusaha memiliki pekerja tetap 5 orang atau lebih.

JADUAL 13: Jangkamasa yang ditumpukan terhadap industri desa

Sela Jangkamasa (jam sehari)	Bilangan	%
Kurang dari 6	137	29.0
6 - 8	209	44.3
8 - 10	112	23.7
Lebih dari 10	14	3.0
Jumlah	472	100.0

JADUAL 14: Bilangan pekerja (pekerja tetap)

Sela	Bilangan	%
Usaha sendiri	273	57.8
1 - 2	74	15.7
3 - 4	78	16.5
5 - 6	23	4.9
6 ke atas	24	5.1
Jumlah	472	100.0

MODAL DAN KREDIT

Modal merupakan satu faktor yang penting dalam menentukan kejayaan satu-satu perusahaan. Jadual 15 menunjukkan 50.6% daripada responden yang dikaji menyatakan perusahaan telah dimulakan dengan modal sebanyak \$600.00 atau kurang. Sementara 13.1% memulakan perusahaan mereka dengan modal di antara \$600.00 hingga \$2,000.00 dan hanya 36.2% dengan modal permulaan melebihi \$2,000.00.

JADUAL 15. Modal permulaan

Sela Kelas (\$)	Bilangan	%
0 - 200	168	35.59
201 - 400	38	8.06
401 - 600	33	6.99
601 - 800	8	1.69
801 - 1000	20	4.24
1001 - 2000	34	7.20
2001 ke atas	171	36.23
Jumlah	472	100.0

Dari segi punca modal permulaan, didapati peratusan yang paling besar adalah datangnya daripada tabungan sendiri (39.3%). Ini diikuti oleh pinjaman dari agensi kerajaan sebanyak 18.0%, pinjaman dari keluarga atau rakan-rakan sebanyak 9.2% dan daripada agensi swasta sebanyak 6.5%. Manakala pinjaman dari lain-lain punca sebanyak 27%

JADUAL 16. Punca modal permulaan

Purata punca	(\$)	%
Dari simpanan sendiri	2221.14	39.3
Pinjam dari keluarga/rakan	581.73	9.2
Pinjam dari agensi swasta	365.89	6.5
Pinjam dari agensi kerajaan	1013.58	18.0
Lain-lain punca	1528.86	27.0
Jumlah	5648.20	100.0

(Jadual 16). Seterusnya, kajian ini juga menunjukkan bahawa sejumlah 137 atau 29.0% daripada responden telah pernah membuat pinjaman dan 68.6% daripada jumlah yang memohon telah berjaya mendapatkan pinjaman. Daripada jumlah yang menerima pinjaman didapati 60.0% daripadanya atau 62 responden telah menghadapi masalah dalam menjelaskan semula pinjaman mereka.

Di antara sebab-sebab penting yang menyebabkan berlakunya kesukaran untuk membayar semula pinjaman ialah bayaran bulanan adalah tinggi (98.8%). Sebanyak 66.1% pelanggan tidak membayar hutang dan 35.5% adalah akibat daripada barangan tidak laku (Jadual 17).

JADUAL 17. Punca masalah membayar pinjaman

Faktor-faktor	Bilangan	%
Barangan tidak laku	22	35.48
Pelanggan tidak membayar hutang	41	66.13
Bayaran bulanan tinggi	60	96.77
Lain-lain	17	27.42

INPUT

Dalam perolehan input atau bahan mentah, 72.8% daripada jumlah responden mendapatkan bekalan dari daerah yang sama dan 18.3% mendapatkan bekalan. Hanya 8.9% daripada jumlah responden mendapatkan bekalan bahan mentah mereka dari negeri-negeri lain dalam Malaysia atau luar negeri (Jadual 18).

JADUAL 18. Sumber bahan mentah

Sumber	Purata %
Tempatan	72.84
Dalam negeri yang sama	18.27
Negeri-negeri lain	7.32
Luar negeri	1.57
Jumlah	100.00

Sungguhpun demikian, 40% daripada jumlah responden menghadapi masalah bekalan bahan mentah. Di antara masalah utama yang dihadapi ialah bekalan yang tidak kerap, harga yang terlalu tinggi dan bekalan yang lewat (Jadual 19).

JADUAL 19. Masalah yang didapati

Jenis masalah	Bilangan	%
Bekalan lewat sampai	68	36.76
Bekalan tidak kerap	105	56.76
Tiada kemudahan kredit	49	26.49
Harga terlalu tinggi	79	42.70
Tiada diskaun	52	28.11
Lain-lain	12	6.49

Sebanyak 75.0% atau 354 daripada jumlah responden terpaksa membayar tunai apabila input diterima dan hanya 5.3% mendapat kemudahan kredit. Sebanyak 16.9% daripada jumlah responden memperoleh input melalui kaedah tunai dan hutang (Jadual 20).

JADUAL 20. Cara pembayaran bahan mentah

Cara pembayaran	Bilangan	%
Tunai bila terima	354	75.00
Hutang dengan pembekal	25	5.30
Tunai dan hutang	80	16.95
Harga bayar dengan barangan	1	0.21
Lain-lain	12	2.54

TEKNIK PENGELUARAN

Satu kaedah untuk melihat teknik pengeluaran yang digunakan oleh pengusaha-pengusaha ialah melalui mesin-mesin yang digunakan. Kajian ini (Jadual 21) mendapati 385 atau 81.6% daripada jumlah responden telah pun menggunakan mesin, iaitu secara purata 3 mesin

JADUAL 21. Penggunaan jentera

Penggunaan jentera	Bilangan	%
Ya	385	81.6
Tidak	87	18.4
Jumlah	472	100.0

bagi setiap pengusaha. Manakala selebihnya, iaitu 18.4%, masih lagi menggunakan kaedah tradisional atau tanpa menggunakan sebarang mesin. Walau bagaimanapun daripada pemerhatian yang dijalankan, kebanyakan daripada pengusaha walaupun mempunyai mesin, mesin-mesin ini adalah tidak sesuai untuk perusahaan yang dijalankan. Pengubahsuaian perlu dibuat sebelum mesin-mesin tersebut dapat digunakan. Oleh itu kuantiti mesin yang dimiliki tidak menunjukkan jumlah sebenar mesin yang digunakan.

KAEDAH PEMASARAN

Terdapat beberapa kaedah yang digunakan oleh pengusaha bagi memasarkan barang mereka. Di antaranya termasuk secara kontrak, runcit, borong dan lain-lain. Daripada Jadual 22 didapati 42.2% daripada jumlah keluaran industri desa dijual secara runcit, 15.5% secara borong, 11.42% melalui kaedah kontrak dengan agensi kerajaan dan 31.29% lain-lain.

Dalam pemasaran barangan yang dikeluarkan, kaedah tunai semasa serahan diamalkan oleh sebilangan besar pengeluaran, iaitu 61.23% daripada jumlah responden. Ia kemudian diikuti oleh penjualan secara

JADUAL 22. Kaedah pemasaran

Kaedah	Purata %
Kontrak dan agensi kerajaan	11.42
Runcit (sendiri)	42.24
Borong	15.05
Lain-lain	31.29
Jumlah	100.00

JADUAL 23: Kaedah penjualan

Kaedah	Bilangan	%
Tunai masa serahan	289	61.23
Kredit 1 bulan	101	21.40
Kredit 1 - 3 bulan	61	12.92
Kredit lebih 3 bulan	21	4.45
Jumlah	472	100.00

JADUAL 24. Masalah pemasaran

Masalah	Bilangan	%
Masalah pengangkutan	100	21.19
Rekabentuk tidak menarik	30	6.36
Harga terlalu mahal	27	5.72
Mutu rendah	22	4.66
Terdapat persaingan	253	53.60
Lain-lain	40	8.47

kredit sehingga sebulan sebanyak 101 atau 21.4%, kredit dari 1 hingga 3 bulan sebanyak 12.92% dan kredit melebihi 3 bulan sebanyak 4.45% daripada jumlah responden (Jadual 23).

Masalah utama yang sering dihadapi dalam pemasaran barangan oleh pengusaha-pengusaha industri desa termasuklah masalah persaingan. Masalah ini dihadapi oleh 253 atau 53.6% daripada jumlah responden. Selain daripada masalah persaingan, sebilangan besar responden juga menghadapi masalah pengangkutan (21.2%) (Jadual 24).

MARGIN KEUNTUNGAN DAN PENDAPATAN KASAR

Berpandukan kepada Jadual 25, didapati 75.2% atau 355 daripada jumlah responden mempunyai margin keuntungan 50% atau kurang. Sebanyak 9.1% daripada jumlah responden mempunyai margin 51% - 60% dan 6.14% di antara 61% - 70%. Hanya 1.5% daripada jumlah responden mempunyai margin keuntungan di antara 91% - 100%.

JADUAL 25. Margin keuntungan

Sela Kelas (%)	Bilangan	%
0 - 10	26	5.51
11 - 20	76	16.10
21 - 30	95	20.13
31 - 40	81	17.16
41 - 50	77	16.31
51 - 60	43	9.11
61 - 70	29	6.14
71 - 80	21	4.46
81 - 90	17	3.60
91 - 100	7	1.48
Jumlah	472	100

JADUAL 26. Pendapatan kadar sebulan

Sela Kelas (\$)	Bilangan	%	Terkumpul
0 - 100	39	8.26	8.26
101 - 200	32	6.78	15.04
201 - 300	28	5.93	20.97
301 - 400	32	6.78	27.75
401 - 500	26	5.51	33.26
501 - 600	26	5.51	38.77
601 - 700	15	3.18	41.95
701 - 800	16	3.39	45.34
801 - 900	7	1.48	46.82
901 - 1000	21	4.45	51.27
1001 - 2000	86	18.22	69.49
2001 - 3000	57	12.08	81.57
3001 - 4000	20	4.24	85.81
4001 - 5000	17	3.60	89.41
5001 ke atas	50	10.59	100.00
Jumlah	472	100	

Daripada segi pendapatan kasar pula, 33.26% daripada jumlah responden memperoleh pendapatan kasar \$500 atau kurang. Sebanyak 18.1% memperoleh pendapatan kasar di antara \$501 hingga \$1,000.00 dan 18.2% di antara \$1,001.00 hingga \$2,000.00 (Jadual 26).

JANGKAMASA PENGELUARAN DALAM SETAHUN

Melihat kepada jangkamasa pengeluaran dalam setahun, didapati 74.2% daripada jumlah responden menjalankan perusahaan mereka sepanjang tahun. Sementara 25.8% mengalami masalah dan tidak dapat beroperasi sepanjang tahun (Jadual 27). Daripada 122 pengusaha ini, 57 atau 12.1% hanya beroperasi tidak melebihi 11 bulan, 50 atau 10.6% beroperasi tidak melebihi 9 bulan dan terdapat 15 atau 3.2% beroperasi tidak melebihi 6 bulan.

JADUAL 27. Jangkamasa pengeluaran setahun

Jangkamasa (bulan)	Bilangan	%
Tidak lebih dari 6 bulan	15	3.2
Tidak lebih dari 9 bulan	50	10.6
Tidak lebih dari 11 bulan	57	12.1
Sepanjang tahun	350	74.2
Jumlah	472	100

Alasan utama yang menyebabkan proses pengeluaran tidak dapat dijalankan sepanjang tahun ialah masalah input (40.9%). Selain itu, terdapat 35 atau 28.8% disebabkan oleh cuaca dan musim dan 20 atau 16.4% disebabkan oleh tiadanya permintaan (Jadual 28).

Daripada perbincangan berhubung dengan data-data latarbelakang perusahaan di atas, beberapa kesimpulan dapat dibuat.

1. Untuk menempatkan satu-satu perusahaan, didapati pengusaha tidak mempertimbang pemimuman kos. Ini kerana sebahagian besar daripada pengusaha lebih mementingkan tempat sendiri berbanding dengan kemudahan untuk mendapatkan bahan mentah atau peluang pasaran. Ini telah menimbulkan masalah terutama sekali kira-kira setengah daripada jumlah responden memulakan perusahaan mereka

JADUAL 28. Alasan tidak melakukan pengeluaran sepanjang tahun

Alasan	Bilangan	%
Masalah input	50	40.9
Masalah pengusahaan	6	4.9
Pengeluaran ikut perayaan	11	9.0
Cuaca, iklim, musim	35	28.8
Permintaan	10	16.4

dengan modal yang terlalu kecil, iaitu \$600.00 atau kurang. Oleh itu, adalah di luar kemampuan pengusaha untuk membeli kenderaan sendiri sama ada untuk tujuan mendapatkan input-input atau memasarkan barangan. Apabila perusahaan diletakkan diluar dari kawasan input atau pasaran, ianya juga akan meningkatkan kos pengangkutan dan seterusnya kos pengeluaran.

2. Melalui penumpuan masa bekerja dalam sehari dan jangkamasa pengeluaran dalam setahun didapati sebahagian besar daripada pengusaha mengusahakan perusahaan mereka secara intensif. Sebanyak 71.0% daripada pengusaha menumpukan masa sekurang-kurangnya 6 jam dalam sehari terhadap perusahaan mereka. Walaupun begitu, 43.7% darinya masih menerima pendapatan yang rendah dan masih terletak di bawah paras kemiskinan (Jadual 29).

3. Industri desa selain daripada dapat mewujudkan pendapatan dan peluang pekerjaan kepada pengusaha, ia juga dapat dijadikan sebagai satu strategi untuk mengurangkan masalah pengangguran dan migrasi. Ini kerana didapati hampir setengah atau 42.2% dari jumlah responden telah dapat mewujudkan pekerjaan tetap kepada penduduk-penduduk luar bandar. Ini terutamanya diperkuatkan lagi oleh faktor untuk memulakan satu-satu perusahaan industri desa yang hanya memerlukan modal yang kecil sahaja.

4. Hanya 29.0% sahaja daripada jumlah responden menerima bantuan kredit sama ada dari pihak agensi kerajaan atau swasta. Sementara itu lebih setengah daripadanya, iaitu 60%, telah mengadapi masalah untuk membayar semula. Ini menunjukkan bahawa industri desa masih lagi terkebelakang untuk mendapatkan kemudahan kredit berbanding dengan industri yang berskala lebih besar. Sementara itu bagi agensi-agensi kewangan yang memberikan kredit, kajian mestilah dilakukan berhubung dengan bayaran ansuran bulanan agar tidak membebankan pengusaha industri desa. Ini kerana 96.8% daripada

JADUAL 29. Pendapatan bersih pengusaha

Sela Pendapatan (\$)	Bilangan	%	Peratus Terkumpul
0 - 100	74	15.68	15.68
101 - 200	74	15.68	31.36
201 - 300	58	12.29	43.65
301 - 400	48	10.17	53.82
410 - 500	38	8.05	61.87
501 - 600	33	6.99	68.86
601 - 700	18	3.81	72.67
701 - 800	19	4.03	76.70
801 - 900	17	3.60	80.30
901 - 1000	12	2.54	82.84
1001 - 2000	48	10.17	93.01
2001 - 3000	14	2.97	95.98
3001 - 4000	10	2.12	98.10
4001 - 5000	2	0.42	98.52
5001 ke atas	7	1.48	100.00
Jumlah	472	100	

pengusaha menyatakan bayaran ansuran bulanan yang dikenakan adalah terlalu tinggi dan diluar kemampuan mereka.

5. Dalam pemilihan lokasi untuk kegiatan pengeluaran, pengusaha meletakkan tempat sendiri sebagai kriteria utama. Lantaran itu, hampir 40% daripada jumlah responden menghadapi masalah mendapatkan bahan mentah. Keadaan ini menjejaskan industri desa untuk bergerak balas terhadap permintaan pasaran bagi keluaran industri desa. Selain itu, dengan masalah input yang dihadapi, usaha untuk mendapatkan bekalan dari luar kawasan tempatan masih kurang dilakukan. Hanya 7.32% daripada jumlah responden mendapatkan bekalan input dari lain-lain negeri. Keadaan ini menunjukkan industri desa masih belum dapat mewujudkan rantaian dalam bekalan input antara negeri.

6. Sebahagian besar daripada pengusaha terpaksa membayar input-input mereka secara tunai. Ini secara tidak langsung telah memberi

kesan negatif terhadap modal pusingan di mana pengusaha terpaksa menyediakan modal pusingan yang lebih besar berbanding dengan yang sepatutnya. Keadaan yang sedemikian ini juga akan mengurangkan kemampuan pengusaha untuk mewujudkan stok sama ada dari segi input atau output.

7. Sebahagian besar daripada pengusaha menggunakan mesin di dalam proses pengeluarannya. Tetapi daripada pemerhatian, didapati walaupun secara puratanya setiap pengusaha memiliki 3 mesin, kebanyakan daripada mesin-mesin ini sama ada tidak sesuai digunakan atau terpaksa dilakukan pengubahsuaian sebelum boleh digunakan. Keadaan ini adalah lumrah bagi mesin-mesin yang diperolehi melalui bantuan dari agensi-agensi kerajaan terutamanya KEMAS.

8. Sebahagian besar daripada keluaran industri desa dijual dengan sendiri oleh pengusaha secara runcit berbanding dengan jualan secara borong atau kontrak dengan agensi kerajaan. Dengan penjualan secara runcit/sendiri, kawasan pasaran adalah terbatas kepada kawasan persekitarannya sahaja. Masalah ini menjadi lebih terserlah dengan kedudukan industri desa yang lazimnya tidak berasaskan kepada peluang pasaran. Keadaan sedemikian menjejaskan jumlah volume yang sepatutnya boleh dijual.

9. Masalah pemasaran yang paling utama dihadapi oleh pengusaha ialah persaingan. Masalah ini bukan sahaja datang dari keluaran industri desa itu sendiri, tetapi juga wujud dari keluaran industri yang berskala lebih besar, sama ada dari dalam atau luar negeri.

MASALAH DAN PROSPEK

Industri desa mempunyai potensi untuk berdaya maju. Ia berupaya untuk mencapai keuntungan serta boleh dimajukan sebagai strategi yang berkesan untuk meninggikan status sosioekonomi penduduk yang menjadi penghalang kepada kemajuan yang lebih pesat. Halangan-halangan ini berkisar kepada masalah modal, teknologi, bahan mentah dan pemasaran.

Modal yang kecil yang dipunyai oleh kebanyakan pengusaha menghalang pembesaran saiz kebanyakan industri desa. Walaupun kemudahan kredit disediakan oleh beberapa agensi kewangan, tetapi kedudukan kewangan serta sosioekonomi yang rendah menyebabkan kebanyakan pengusaha tidak mampu membuat pinjaman kerana masalah pembayaran balik dan kadar bunga. Keuntungan yang kecil atau

sederhana yang diperolehi oleh kebanyakan pengusaha menyebabkan industri desa tidak dapat dibesarkan serta beroperasi secara tradisional.

Faktor kekurangan modal menyekat penyerapan teknologi bagi sebahagian besar industri desa. Penggunaan mesin adalah terbatas dan terhad pada proses-proses pengeluaran yang mudah.

Tahap industri yang lebih maju, yang biasanya memerlukan teknologi yang lebih kompleks, tidak dapat dijalankan kerana proses tersebut memerlukan modal yang lebih besar. Penggunaan teknologi yang bercorak tradisional menyebabkan pengeluaran kadang-kadang tidak dapat memenuhi kehendak pasaran. Tetapi bagi industri-industri desa tertentu seperti anyaman, tembaga, batik dan sebagainya, proses pengeluaran memerlukan kemahiran tertentu untuk menonjolkan unsur-unsur kesenian yang halus dan unik yang tidak dapat diambalih oleh teknologi untuk mengambil alih kemahiran manusia dalam menurunkan penciptaan atau pengukiran seni yang halus.

Bekalan, kualiti dan kos bahan mentah mempengaruhi kecekapan industri desa. Industri berasaskan rotan dan kayu bergantung kepada adanya bekalan dan kualiti bahan mentah yang baik. Bagi industri seperti batik, kos bahan mentah merupakan bahagian perbelanjaan yang tinggi, terutama untuk kain putih dan pewarna. Untuk mengekalkan mutu yang tinggi bahan-bahan import digunakan dan ini menyebabkan kos pengeluaran yang tinggi, serta sukar bertanding dengan batik-batik luar negeri terutama dari Thailand dan Indonesia. Apa yang mungkin mengekalkan sifat kebertandingan batik Malaysia ialah mutunya yang tinggi.

Pamasaran merupakan masalah yang serius bagi industri-industri desa. Kebanyakan pengusaha industri kecil memasarkan keluaran mereka melalui orang tengah atau peruncit. Saiz industri yang kecil serta kekurangan modal sering menghadkan kebolehan pengusaha untuk memasarkan sendiri. Dalam keadaan ini masalah-masalah pemasaran yang biasa seperti mendapat bahagian yang kecil dari harga jualan serta menipulasi harga mempengaruhi keberuntungan pengusaha industri kecil. Keperluan kredit yang mendesak kadang-kadang menyebabkan pengusaha terpaksa menjual hasil dengan harga yang lebih murah.

Kerap kali pengusaha tidak menerima pembayaran secara tunai bagi jualan. Kebiasaannya orang tengah membayar sebahagian daripada nilai pembeliannya dan menjelaskan pembayaran apabila barang telah habis dijual kesemuanya. Pengusaha yang kekurangan modal akan menghadapi masalah untuk mengendalikan perusahaannya.

Walaupun terdapat beberapa agensi pemasaran seperti Batik Malaysia Bhd., Karyaneka, Syarikat Pembangunan dan Pemasaran Industri Kampung, Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia dan KEMAS membantu memasarkan berbagai hasil industri desa, namun agensi-agensi ini tidak dapat menghapuskan kesemuanya masalah yang ditimbulkan oleh orang tengah. Agensi-agensi ini yang lebih mementingkan keperluan pasaran luar negeri atau untuk memenuhi permintaan pelancung memasarkan barang-barang yang bermutu tinggi dari keluaran beberapa pengusaha yang telah berjaya dan yang telah menempah nama. Ini meninggalkan sebilangan ramai pengusaha terpaksa memasarkan melalui orang tengah atau memasarkan sendiri secara terhad. Untuk meluaskan saluran pemasaran agensi-agensi ini mewujudkan pusat-pusat jualan di beberapa bandar utama serta di tempat-tempat pelancungan.

Walaupun sumbangan kepada ekonomi keseluruhannya adalah kecil, industri desa jika dimajukan secara lebih terancang mempunyai potensi untuk membantu pembangunan masyarakat desa, bukan setakat dalam fungsinya yang tradisional untuk menambah gunatenaga dan menambah pendapatan kepada pengusaha-pengusaha industri kecil.

Dengan kerajaan giat menggalakkan industri pelancungan prospek bagi keluaran industri desa untuk memenuhi keperluan permintaan tempatan untuk pelancung dan untuk keperluan eksport dijangka kian meningkat.

Buat masa ini eksport hasil industri desa masih di tahap yang rendah dan perlu diperbaiki melalui usaha-usaha promosi. Nilai eksport barang kraftangan melalui Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia masih berada pada tahap yang rendah.

Di pasaran tempatan, sasaran perlu ditumpukan kepada memenuhi permintaan pelancungan luar negeri yang sekarang merupakan 70 peratus daripada pembeli-pembeli hasil industri desa. Hasil-hasil yang mendapat permintaan yang meluas ialah batik (25 peratus), tenunan dan sulaman (20 peratus), anyaman (18 peratus), barang-barang perak (25 peratus) dan selebihnya barang-barang tembaga, tembikar, ukiran kayu, hasil laut dan hasil kulit. Industri-industri desa ini perlu mendapat perhatian dan galakan sewajarnya.

Terdapat prospek pada membesarkan sumbangan dan kemajuan industri desa. Dalam hal ini adalah perlu bagi mengawal bilangan pengusaha-pengusaha dan membantu industri yang terlalu kecil dan kurang efisien serta tidak dapat bertanding dan tidak dapat memasarkan hasil-hasil mereka.

Satu paras perlu dicari tentang bilangan industri yang optimum bagi satu-satu jenis perusahaan. Bilangan yang berlebihan bagi satu-satu jenis industri akan hanya menyebabkan hasil-hasil tidak dapat dipasarkan dan menyebabkan pengusaha-pengusaha mungkin mengalami kerugian. Masalah modal dan pemasaran perlu mendapat perhatian wajar. Dalam hal ini mungkin perlu difikirkan cara untuk memberi lebih galakan kepada pengusaha melalui insentif fiskal pengecualian percukaian dan galakan eksport.

KESIMPULAN DAN IMPLIKASI

Industrialisasi desa merupakan satu aspek perindustrian yang terabai. PIP tiada mengutarakan satu dasar industrialisasi desa yang konkrit. Galakan dan insentif industri serta infrastruktur yang ada menyebabkan penumpuan industri di kawasan-kawasan "Serambi Barat" dan sangat sedikit di kawasan desa. Industri asas-sumber juga mempunyai rantai yang lemah dengan sektor desa. Industri desa lebih banyak tertumpu dalam bidang kraftangan, perabot dan pemprosesan makanan ringan. Kertas ini juga membincangkan isu, masalah, dan prospek industrialisasi desa di Malaysia. Hasil kajian kes industri desa dibentangkan sebagai mengenegahkan masalah-masalah yang dihadapi oleh industri tersebut.

Industrialisasi desa perlu melewati batasan dan had industri kampung yang tradisional. Peranan industri desa perlu ditingkatkan dengan menekankan bukan sahaja lokasi desa tetapi juga rantai yang berkesan dengan sektor desa (UNDP 1985). Pendekatan lokasi menekankan aspek fizikal, iaitu menekankan penempatan industri-industri di desa. Pendekatan itu mempunyai tujuan jelas untuk membangunkan sektor desa secara fizikal, tetapi mempunyai batasan-batasan yang memerlukan insentif dan galakan yang lebih besar untuk menarik industri-industri ke desa.

Pendekatan rantai menekankan tentang sejauhmana sesuatu industri, baik di bandar atau di desa, dapat mewujudkan rantai yang signifikan kepada sektor desa, yang boleh diukur misalnya melalui peratus nilai output yang didatangkan dari sektor desa, peratusan bahan mentah yang dibeli daripada sektor desa dan peratus pendapatan dan upah yang diterima oleh buruh-buruh dari sektor desa.

Kedua-dua pendekatan ini boleh dilaksanakan serentak bergantung kepada objektif-objektif dasar yang ingin dicapai. Tidak dapat tidak, objektif industrialisasi desa tidak boleh lari daripada:

1. Mewujudkan gunatenaga, menambah peluang pekerjaan, mewujudkan gunatenaga penuh dan meningkatkan produktiviti bagi penduduk desa.
2. Menambah pendapatan dan sumber-sumber pendapatan terutama menambah sumber pendapatan luar-tani bagi penduduk desa.
3. Meningkatkan kebajikan penduduk desa dan mengurangkan kadar kemiskinan.
4. Meningkatkan rantaian antara sektor dan industri yang mencerminkan peningkatan aktiviti ekonomi desa dan pertanian.
5. Membantu pertumbuhan industri melalui pembangunan asas industri desa yang kuat, membangun sumber tenaga manusia dan infrastruktur fizikal sektor desa.

Untuk meningkatkan peranan industrialisasi desa adalah perlu bagi melihat semula sistem galakan dan insentif, terutama yang berkait dengan penyebaran industri. PIP menyarankan penempatan industri di sepanjang "serambi utamanya". Pada asasnya konsep serambi menyarankan supaya penempatan industri disebarikan di sepanjang serambi Barat Semenanjung Malaysia mengikut sistem lebuh raya dan jalan keretapi dan pelabuhan. Penyebaran industri di sepanjang serambi ini ditetapkan semata-mata atau perkiraan ekonomi, iaitu untuk memaksimumkan penggunaan infrastruktur yang ada di samping meminimumkan pelaburan ke atas infrastruktur, dengan itu menghadkan penempatan industri kepada kawasan geografi yang terhad (UNIDO 1985).

Penyebaran industri di luar serambi utama memerlukan pembinaan infrastruktur yang lengkap terutama daripada segi jalinan-jalinan perhubungan, bekalan air, letrik dan lain perkhidmatan. Dalam hal ini "the rural areas of today are mostly equipped with sufficient industries, especially for small scale industries" (KPNLB).

Negara ini mempunyai jalinan perhubungan yang memuaskan. Melainkan bagi sebahagian negeri Sabah dan Sarawak sebahagian kawasan desa di Semenanjung Malaysia dihubungkan dengan jalinan perhubungan yang baik. Lapan puluh sembilan peratus daripada perkampungan desa di Semenanjung Malaysia dihubungkan dengan jalan-jalan turap, berbanding dengan 40% di Sabah dan Sarawak. Sembilan puluh peratus daripada isirumah desa di Semenanjung mendapat bekalan elektrik berbanding dengan 50% di Sabah dan Sarawak. Di Semenanjung sendiri 98% daripada isirumah desa di negeri-negeri Perlis, Pulau Pinang dan Melaka mendapat bekalan elektrik, air dan jalanraya, manakala negeri-negeri Kelantan, Perak dan

Pahang telah mencapai pencapaian 80%. Menjelang akhir 1990 kira-kira 90% daripada negeri-negeri ini dijangka akan dibekalkan dengan infrastruktur as (Shamsuddin 1989).

Dapat dilihat bahawa, melainkan bagi negeri-negeri Sabah dan Sarawak serta sebahagian kecil desa-desa terpencil di Semenanjung, sektor desa selebihnya telah mendapat bekalan infrastruktur yang memuaskan. Implikasinya ialah bahawa sektor desa juga mempunyai infrastruktur yang memuaskan untuk membolehkan industri-industri asas sumber kecil dan sederhana terutama industri asas-tani perlu digalakkan untuk ditempatkan di desa. PIP memberi keutamaan kepada industri-industri asas-sumber (Fadillah 1988; Fong 1988; Lim 1988; Ong dan Santhiapillai 1988) termasuk keluaran getah, kayu dan kelapa sawit. Industri-industri ini jika ditempatkan di tempat asalnya iaitu sektor pertanian akan memperkukuhkan rantaian dengan sektor desa.

Pembangunan industri tidak boleh terasing daripada pembangunan sektor-sektor yang lain. Ia perlu menyumbang kepada pertumbuhan yang seimbang antara sektor dan wilayah, khususnya terhadap pembangunan desa dan wilayah-wilayan yang mundur. Untuk ini, cadangan untuk memajukan serambi Pantai Timur Semenanjung Malaysia yang menghubungkan Kota Bahru, Kuala Terengganu dan Kuantan, dan *enclave* Malaysia Timur yang menghubungkan bandar-bandar Kuching, Sibul, Bintulu, Kota Kinabalu, Sandakan, Tawau dan Labuan perlu diberi pertimbangan yang sewajarnya.

Galakan penempatan yang cuba menggalakkan penempatan industri di negeri-negeri Kedah (kecuali Daerah Kuala Muda), Perlis, Pahang (kecuali daerah Kuantan), Kelantan, Terengganu, Johor Tenggara, Sabah dan Sarawak juga "kawasan pembangunan" negeri-negeri Kedah, Perlis, Pahang, Kelantan, Terengganu, Melaka, Sabah dan Sarawak kelihatan tidak cukup menarik untuk menarik pelabur-pelabur. Adalah perlu untuk melihat semula sekiranya galakan penempatan supaya berjaya menarik lebih banyak industri ke negeri-negeri yang relatif mundur yang kebetulan mempunyai bahagian sektor desa yang lebih besar.

Pembangunan industri-industri kecil dan sederhana terutama oleh Bumiputera perlu digalakkan untuk ditempatkan di desa. Selain daripada untuk memenuhi matlamat DEB strategi ini dapat memenuhi visi pertumbuhan yang berasaskan pertanian dan gunatena bukan tani (Mellor 1986). Selain daripada menekankan permodenan pertanian, agensi-agensi pembangunan desa perlu digalakkan supaya "memupuk kegiatan institusi mereka ke arah kegiatan yang ada kaitan dengan perkilangan (Anuwar dan Hassan 1986).

Akhirkata, pembangunan industri tidak boleh terasing dari perancangan sektor-sektor ekonomi keseluruhannya. Walaupun ia diperlukan untuk menjadi enjin pertumbuhan dan dengan itu membangun secara efisien, ia perlu mewujudkan rantaian yang berkesan ke sektor-sektor lain, terutama ke sektor desa untuk mengagihkan faedah yang lebih besar kepada sektor tersebut melalui "pelaburan semula" modal ke sektor tersebut, selain daripada menyumbang kepada peningkatan gunatenaga, pendapatan dan memperbaiki taraf hidup dan kebajikan sektor dan penduduk desa.

R U J U K A N

- Anuwar Ali. 1988. Industrial restructuring: Beyond the Industrial Master Plan. Kertas kerja MIER National Outlook Conference, Kuala Lumpur, November.
- Anuwar Ali Hassan Ali. 1986. Perindustrian dan pembangunan luar bandar di Malaysia: Satu tinjauan. *Sumber*, (2), Disember.
- Chamhuri Siwar. 1988. Revitalization of agriculture: The basis for industrial growth and restructuring. Kertas kerja MIER National Outlook Conference. Kuala Lumpur, November.
- Chamhuri Siwar. 1989. Pembasmian Kemiskinan dalam Jangkamasa DEB: beberapa isu dan masalah. Kertas kerja Persidangan Dasar Ekonomi Baru dan Masa Depan. Persatuan Sains Sosial Malaysia, Universiti Malaya, Julai.
- Fadillah Yakin, 1988. The Role of government in the growth and development of resource based industries in Malaysia. Kertas kerja Resource Based Industries in Malaysia, Fifth National Economic Conference, August.
- Fong Chan Onn. 1988. The future of resource-based industries in Malaysia - A Macro overview. Kertas kerja Resource Based Industries in Malaysia, Fifth National Economic Conference, August.
- KPNLB. 1986. *Program Pembangunan Industri Kampung*. Kuala Lumpur: Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.
- KPNLB (i.t) *Rural Industries in the Context of Small Scale Industrial Development*. Small Scale Industries Division (mimeograph).
- Lim Sow Ching. 1988. The rubber industry in Malaysia and growth oportunities in downstream processing. Kertas kerja Resource-Base Industries in Malaysia, Fifth National Economic Conference, August.
- Maisom Abdullah. 1980. Factors influencing choice of technique and labour absorbtion: Malaysian agrobased industries. In *Malaysian Agricultural Policy: Issues and Directions* Fatimah Mohd Arshad et. al, (eds.). Centre for Agricultural Policy Study, Universiti Pertanian Malaysia, Serdang.
- Malaysia. 1984. *Pembangunan Kampung dan Luar Bandar*. Unit Penyelarasan Perlaksanaan, Jabatan Perdana Menteri.

- Malaysia. 1986. *Rancangan Malaysia Kelima, 1986-1990*. Kuala Lumpur. Percekatan Kerajaan.
- Malaysia. 1989. *Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima*. Kuala Lumpur: Percetakan Kerajaan.
- Mellor, J.W. 1986. *Agriculture On the Road to Industrialization*. IFPRI Reprint No. 83, Washington D.C.
- Ong, A. & J.R. Santhiapillai. 1988. Palm oil industry and opportunities for downstream activities. Kertas kerja Resource-Based Industries in Malaysia. Fifth National Economic Conference, August.
- Shamsuddin Md Dubi. 1989. *Strategies for Rural Development up to 2000*. Bahagian Kemajuan Masyarakat, KPNLB.
- UNDP. 1985. Location, linkages and leakage: Malaysian rural industrialization strategies in national and international perspective. Supporting Study to National Spatial Plan Study.
- UNIDO. 1985. *Medium and Long Term Industrial Master Plan Malaysia 1986-1995*. Executive Highlights, August.
- Zainal Aznam Yusof. 1989. Small-scale industries and rural development: An overview of policy issues. Kertas kerja Seminar on Small-scale Industries and Rural Development. MIER and Universiti Malaya, Kuala Lumpur, July.

Fakulti Ekonomi
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi, Selangor D.E.